

DATA-DATA PENULISAN KITAB TAJWID LAMA DI KELANTAN

Shaharuddin bin Saad

Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
shaharuddin@kuis.edu.my

ABSTRAK

Tajwid al-Quran merupakan suatu ilmu yang amat penting di dalam pembacaan al-Quran dan kepentingannya amat jelas ketika seseorang itu ingin membaca al-Quran. Maka penulisan kitab berkaitan dengannya sudah pasti tidak dapat dinafikan. Hasil pendapatan dari kajian oleh tokoh-tokoh seperti almarhum Hj Wan Saghir mendapati bahawa pengkaryaan kitab Tajwid di kalangan ulama-ulama Melayu sudah bermula semenjak tahun 1780 an lagi apabila kajian mendapati kitab Tajwid pertama di Alam Melayu dikarang oleh Syeikh Abdul Mukti berjodol Mir'atul Quran pada tahun 1779. Persoalan yang timbul di dalam masyarakat kita khususnya di Malaysia hari ini ialah, sejauhmanakah masyarakat mengenali dan mengetahui tentang munculnya kitab-kitab Tajwid lama ini serta wujudnya ulama-ulama di Tanah Melayu yang menguasai Ilmu Tajwid. Bertitik tolak dari persoalan inilah penulis akan mengetengahkan kajian ini demi memberi maklumat kepada masyarakat Malaysia khususnya berkaitan perkembangan penulisan kitab-kitab Tajwid lama ini di negeri Kelantan. Metodologi yang akan digunakan oleh penulis ialah metode pensejarahan dan metode dokumentasi. Semoga dengan terhasilnya kajian ini akan menjelaskan dan memperkenalkan kepada masyarakat berkaitan kitab-kitab Tajwid lama di Kelantan dan umumnya di Alam Melayu selain memperkenalkan juga tokoh-tokoh ulama Melayu di dalam bidang ini. Semoga dengan kajian ini dapat membantu menjelaskan kepada masyarakat tentang kepentingan bahagian ilmu ini.

Pendahuluan

Di dalam kertas kerja ini, penulis akan memperkenalkan beberapa buah kitab Tajwid lama di Alam Melayu dengan mengambil kira kitab-kitab utama dan terpenting mengikut kajian penulis. Kitab-kitab yang dimaksudkan ialah, kitab Tajwid pertama di Alam Melayu iaitu Mir'atul al-Quran fi Tahsil Ma'rifah Ahkam al-Tajwid li al-Malik al-Wahhab karangan al-Faqir al-Muhtaj ila Allah al-Majid Ibn Syeikh Abd al-Mu'ti bin Syeikh Muhammad Saleh. Seterusnya kitab yang diperakui oleh semua pengkaji bahawa ianya sebuah kitab yang paling lengkap dan paling tebal iaitu *Mawrid Al-Zam'an Fi Ma Yata'allaqu Bi Tajwid Al-Qur'an* karangan Abdullah bin Muhammad Qasim dan lebih dikenali sebagai Syeikh Abdullah bin Muhammad Qasim al-Fiqhi al-Sanquri. Dan, terakhirnya penulis akan memperkenalkan dua buah kitab yang dianggap terlengkap dari sudut perbahasan Ilmu Tajwid bagi mewakili negeri Kelantan. Kitab yang dimaksudkan ialah Muqaddimah al-Mubtadi' fi Tajwid al-Quran karangan Haji Muhammad bin Lebai Ahmad bin Kweng Enche Mohd Yatim atau dikenali sebagai Haji Muhammad bin Ahmad

al-Kelantani atau Pak Cu Haji Mat bin Tok Kweng Mat Yatim¹ dan digelar dengan gelaran Haji Mat Pintu Geng dan kitab *Tuhfatul al-Sibyan fi Tajwid al-Quran* karangan Syeikh Nuh bin Haji Jamaluddin bin Haji Abdul Qadir bin Senik al-Kelantani. Maka secara umumnya, semua kitab-kitab ini didapati oleh penulis samada dari Jabatan Manuskrip Perpustakaan Negara, waris Allahyarham Tuan Guru Hj Wan Mohd Shagir Abdullah, Tuan Guru Abdullah al-Qari bin Hj Saleh dan daripada tuan-tuan guru dari pondok-pondok seluruh Malaysia.

Pengenalan kepada kitab *Mir'atul al-Quran fi Tahsil Ma'rifah Ahkam al-Tajwid li al-Malik al-Wahhab*

Pengarangnya ialah al-Faqir al-Muhtaj ila Allah al-Majid Ibn Syeikh Abd al-Mu'ti bin Syeikh Muhammad Saleh². Beliau merupakan penyusun kitab Ilmu Tajwid pertama di dalam Bahasa Melayu³.

Mengenai kitab *Mir'atul Quran*, penulis menemui manuskrip kitab ini terlalu banyak, ianya samada yang terdapat di Jabatan Manuskrip Perpustakaan Negara, Muzium Kesenian Islam dan juga melalui Us Syamsudin Sidek⁴. Penulis hanya mempunyai maklumat berkaitan manuskrip kitab-kitab ini yang terdapat di Muzium Kesenian Islam dan melalui Us Syamsudin sidek. Di antara manuskrip-manuskrip yang didapati ialah *Mir'ah al-Quran Fi tashil Ma'rifah Ahkam al-Tajwid Li Milk al-Wahhab*, bertarikh tahun 1778, nombor kod rujukan 87, mempunyai 74 halaman, manuskrip ini baik dan lengkap, *Mir'ah al-Quran Fi tashil Ma'rifah Ahkam al-Tajwid Li Milk al-Wahhab*, bertarikh tahun 1778, nombor kod rujukan 628, mempunyai 94 halaman dan manuskrip yang lengkap, *Mir'ah al-Quran Fi tashil Ma'rifah Ahkam al-Tajwid Li Milk al-Wahhab*, nombor kod rujukan ialah 91, tanpa tarikh, hanya mempunyai 20 halaman dan manuskrip ini tidak lengkap. Manuskrip ini juga didapati bercampur dengan bidang Tasawwuf karya Syeikh Daud Fatani, *Mir'ah al-Quran Fi tashil Ma'rifah Ahkam al-Tajwid Li Milk al-Wahhab*, bertarikh tahun 1778, nombor kod rujukan 602, mempunyai 16 halaman sahaja dan manuskrip ini tidak lengkap dan Manuskrip ini tidak ada tajuk, bertarikh tahun 1778, nombor rujukan 482, mempunyai 11 halaman sahaja dan ia merupakan manuskrip yang tidak lengkap.

Inilah sahaja manuskrip-manuskrip mengenai kitab ini yang didapati oleh penulis di Muzium Kesenian Islam. Banyak lagi manuskrip-manuskrip yang dijumpai oleh pengkaji sebelum ini, khususnya oleh Ustaz Syamsudin Sidek. Penulis mendapati Ustaz Syamsudin Sidek mempunyai Sembilan manuskrip yang berbeza samada dari Muzium Kesenian Islam dan Jabatan Manuskrip Perpustakaan Negara. Berdasarkan kajian penulis, kitab ini merupakan kitab tajwid tertua di Alam Melayu khususnya Nusantara dan belum pernah dicetak dan diterbitkan untuk bacaan umum. Kitab ini selesai ditulis oleh Syeikh Abdul Mukti pada tahun 1778.,

¹ Ismail Che Daud (2007), *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu* (2), Kelantan, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu, hlm 101.

²Hj Wan Muhammad Saghir bin Abdullah, *Pengenalan Ulama' Asia Tenggara Dahulu Dan Sekarang*, Kertas Kerja Seminar Ulama' Wilayah Persekutuan (1996), hlm 15. Nama ini adalah dirujuk oleh penulis daripada beberapa salinan kitab *Mir'atul al-Quran*.

³ Lihat Utusan Malaysia, al-Marhum Haji Wan Muhammad Sagir Abdullah, Isnin 30 April 2007, hlm 18, lihat Kertas Kerja Ulama Malaysia Dan Nusantara Dalam Pengajian Al-Quran, al-Marhum Haji Wan Muhammad Sagir Abdullah, Hotel Permai Inn, Kuala Terengganu, tarikh 26-28 November 2004, hlm 10 dan lihat Kertas Kerja Nadwah Ulama Nusantara, Konvensyen Ulama Nusantara, al-Marhum Haji Wan Muhammad Sagir Abdullah, Dewan Besar Menara Zakat, Alor Setar, Kedah, tarikh 10 November 2001, hlm 20.

⁴ Beliau ialah pentahqiq kitab ini di dalam pengajian peringkat sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia bertajuk *Menulis Semula Dan Tahqiq Manuskrip Mirat Al-Quran Fi Tashili Ma'rifati Ahkam At-Tajwid Li Malik Al-Wahhab*, Karya Ibn Abdul Mukti Ibn Syeikh Muhammad Saleh, (200).

Pengenalan kepada kitab *Mawrid Al-Zam'an Fi Ma Yata'allaqu Bi Tajwid Al-Qur'an*.

Pengarangnya ialah Syeikh Abdullah Senggora adalah Abdullah bin Muhammad Qasim dan lebih dikenali sebagai Syeikh Abdullah bin Muhammad Qasim al-Fiqhi al-Sanquri (1850an-1930)⁵ yang merupakan salah seorang daripada ulama Melayu yang bertanggungjawab dalam mengembangkan syiar Islam di Nusantara. Beliau juga lebih dikenali panggilan Tok Senggora. Al-Sanquri adalah nisbah kepada tempat kelahiran beliau iaitu Senggora⁶ berdasarkan kepada kebiasaan ulama yang meletakkan pengakhiran nama mereka yang dinisbahkan kepada tempat asal atau kelahiran mereka.

Berkaitan dengan maklumat kematian Tok Senggora, Ahmad Fathy menyebutkan, Tok Senggora atau Syeikh Abdullah Senggora meninggal dunia pada pagi Jumaat, 15 Safar 1349H yang bersamaan dengan 11 Julai 1930M. Sebelum beliau meninggal dunia, Ahmad Fathy memetik kata-kata yang disebutkan oleh Haji Nor Bot di mana sehari sebelum kematian beliau, iaitu pada petang hari Khamis, selepas waktu Asar, Tok Senggora masih mengajar *Tafsir al-Jalalain* kepada murid-murid beliau dan ternyata ketika itu tiada sebarang tanda-tanda beliau sakit. Keesokannya sewaktu orang ramai ingin mengerjakan solat Subuh di Masjid al-Haram, tersebar berita tentang kematian Tok Senggora.⁷ Manakala Ismail Che Daud dalam sebuah artikel, beliau menyebutkan secara pasti bahawa tanggal 11 Julai 2007 adalah genap 77 tahun pemergian seorang ahli *qurra'* yang terlung di kota Mekah yang dikenali sebagai Syeikh Abdullah Senggora⁸. Berdasarkan tarikh tersebut, melalui pengiraan, tarikh kematian Syeikh Abdullah Senggora adalah tanggal 11 Julai 1930M bertepatan dengan kenyataan yang disebutkan oleh Ahmad Fathy sebelum ini.

Selain daripada kalangan ulama-ulama dari Nusantara atau Tanah Jawi, terdapat juga dari Tanah Arab yang berguru dengan beliau seperti dua orang tokoh *qurra'* iaitu Syeikh Ahmad Hijazi⁹ dan Syeikh Ahmad 'Ubaid. Berkaitan dengan karya-karya penulisan, Syeikh Abdullah Senggora juga merupakan di antara tokoh yang tidak terlepas dalam menghasilkan karya bermutu. Secara khususnya karya beliau dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu karya asli dan karya celupan (bukan asli). Antara karya asli beliau yang paling masyhur adalah *Mawrid al-Zam'an fi ma Yata'illaq bi Tajwid al-Qur'an* atau lebih dikenali dengan panggilan "*Mawrid al-Zam'an*" yang merupakan sebuah karangan khusus membicarakan berkaitan Ilmu Tajwid. Karya tersebut menjadi karya tunggal yang asli hasil penulisan beliau sendiri. Bahkan, disebut bahawa karya atau kitab ini sebagai kitab ilmu tajwid paling tebal dan paling sempurna berbanding kitab-kitab tajwid yang lain serta berada sebaris dengan karya-karya tajwid yang dihasilkan

⁵ Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *Ulama Besar dari Patani*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, cet.1, hlm 83 dan lihat laman web Madrasah Darussalam, <http://www.darissalam.com/fatani.html>, Sabtu, 20 Januari 2007.

⁶ Senggora terletak ke arah utara Pattani. Sebelum itu, pada zaman dahulu Senggora berada dalam pemerintahan Langkasuka dan kemudian Tamberalinga. Setelah kedatangan Islam, ia berada dibawah pemerintahan Fathani Darul Salam. Namun, kemudiannya pemerintah Thai telah menukarkan nama Senggora kepada Songkhla. Senggora adalah sebuah bandar tua yang berada di pinggir Laut Cina Selatan, iaitu yang agak jauh puluhan kilometer di sebelah timur Sadao. Wan Mohamad Saghir Abdullah (1425H/2004M), "Sumbangan Ulama Malaysia/Nusantara Dalam Pengajian al-Quran" (kertas kerja yang dibentangkan pada bulan 13-15 Syawal 1425H/ 23-25 November 2004M di Hotel Permai Inn, Kuala Terengganu, Terengganu), hlm 3-5.

⁷ Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *op.cit.*, hlm 90.

⁸ Ismail Che Daud (2007), *op.cit.*, hlm 30.

⁹ Beliau adalah antara tokoh ulama dan ahli *qurra'* yang terkenal. Sebagai membalas jasa guru beliau tersebut, beliau telah menurunkan segala ilmu khususnya berkaitan lagu dan bacaan al-Quran kepada seorang tokoh qari tanah Jawi yang berasal dari Kelantan iaitu Haji Ahmad Ma'sum Pergau. Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *op.cit.*, hlm 87.

sebelumnya seperti *Mir'ah al-Qur'an* karya Syeikh 'Abd al-Mu'ti bin Muhammad Salih yang diselesaikan penulisannya pada 1193H/ 1779M dan lain-lain lagi.¹⁰

Pengenalan kepada Kitab Muqaddimah al-Mubtadi' fi Tajwid al-Quran

Pengarangnya ialah Haji Muhammad bin Lebai Ahmad bin Kweng Enche Mohd Yatim atau dikenali sebagai Haji Muhammad bin Ahmad al-Kelantani atau Pak Cu Haji Mat bin Tok Kweng Mat Yatim¹¹. Gelaran beliau ialah Haji Mat Pintu Geng kerana disandarkan kepada tempat di mana beliau dilahirkan dan tempat beliau mencurahkan ilmu sepanjang hayat beliau¹². Haji Muhammad telah dilahirkan pada tahun 1305 Hijrah bersamaan 1887 Masihi di Kampung Paloh, Pintu Geng, Kota Bharu Kelantan¹³. Manakala berdasarkan catatan tulisan tangan Tuan Guru Haji Muhammad beliau telah dilahirkan pada malam jumaat pada tahun 1307 Hijrah bersamaan 1889 Masihi di Kampung Paloh, pintu geng, Kota Bharu Kelantan.

Tuan Guru Haji Muhammad kembali ke rahmatullah pada hari Selasa 10 Ramadan tahun 1387 Hijrah bersamaan 12 Disember 1967 tahun Masihipada jam 8.53 pagi ketika berusia 80 tahun. Beliau dikebumikan pada jam 3.50 petang pada hari yang sama di Tanah Perkuburan Chengal, Pintu Geng.

Berkaitan nama kitab, Tuan Guru Hj Muhammad telah meletakkan nama karya beliau iaitu *Muqaddimah al-Mubtadi Fi Tajwid al-Quran*. Menurut pemerhatian penulis, kitab ini tidak pernah dikaji oleh pengkaji-pengkaji kitab lama sebelum ini. Yang dimaksudkan oleh penulis ialah Allahyarham Hj Wan Mohd Shaghir Abdullah. Penulis cuba mencari perbahasan mengenai kitab ini oleh beliau samada melalui kertas-kertas kerja beliau atau buku-buku penerbitan beliau seperti Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara dan Penyebaran Islam & Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu, akan tetapi tidak ada dan beliau tidak pernah membahaskan kitab ini samada berkenaan dengan pengarangnya ataupun isi kandungannya. Penulis hanya dapat mengesan maklumat Tuan Guru Hj Muhammad melalui kitab Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu karangan Ismail Che Daud dan tesis pelajar Diploma Tahfiz al-Quran dan Al-Qiraat Darul Quran. Melalui tesis ini, penulisnya ada menemui dan mewawancara cucu kepada Tuan Guru Hj Muhammad.

Kitab ini selesai dikarang pada hari Selasa 8 Jamadil Awal tahun 1341 bersamaan 26 Disember 1922. Kitab yang ada pada tangan penulis adalah cetakan kali keenam iaitu bertarikh 10 Jamadil Awal tahun 1389 Hijrah bersamaan 24 Julai tahun 1969. Manakala salinan muka hadapan kitab yang sama dan bertarikh yang sama di dalam Kitab Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (2) tertulis cetakan kali kelima¹⁴.

¹⁰ Antara karya-karya tajwid yang lain sebelum daripada kitab *Mawrid al-Zam'an* adalah seperti *Tuhfah al-Murid li Tawa'ibih al-Tajwid* karya Muhammad Sa'id ibn Hasanuddin yang diselesaikan pada 1266H/ 1849M. *Risalah Tajwid* karya Aminuddin bin Nuruddin bin Husein, diselesaikan pada 1286H/ 1869M, *Al-Mawahib al-Makiyyah* karya Syeikh 'Abd al-Qadir bin 'Abd al-Rahman al-Fatani, diselesaikan pada 1296H/ 1879M, *Siraj al-Qari* karya Syeikh Muhammad Salih bin Syeikh Zainal 'Abidin al-Fatani, diselesaikan pada 1308H/ 1891M dan *Tuhfah al-Ikhwan* karya Syeikh Isma'il bin Abd al-Mutallib al-Asyi (Aceh), diselesaikan pada tahun 1311H/ 1893M.

¹¹ Ismail Che Daud (2007), Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (2), Kelantan, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu, hlm 101.

¹²Ibid.

¹³Ibid.

¹⁴ Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (2) (1996), op.cit, hlm 124 dan Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (2) (2007), op.cit, hlm 106.

Pengenalan kepada *Tuhfatul al-Sibyan fi Tajwid al-Quran*

Pengarangnya ialah Syeikh Nuh bin Haji Jamaluddin bin Haji Abdul Qadir bin Senik al-Kelantani. Beliau dilahirkan pada tahun 1896. Tarikh tepat tentang kelahirannya tidak dapat diketahui dari mana-mana rujukan. Beliau merupakan adik kepada Haji Ahmad Hafiz¹⁵. Bondanya bernama Hajah Maryam binti Pak Maras, manakala ayahnya Haji Jamaluddin yang merupakan seorang guru pondok yang berjasa di Mukim Paya Mengkuang, daerah Perupuk Bachok, Kelantan. Ayahnya juga berjaya mendidik dan melahirkan ramai guru agama pelapis termasuk Haji Seman Sering atau dikenali dengan Syeikh Uthman Jamaluddin al-Kelantani¹⁶.

Pendidikan awalnya sebelum berangkat ke Mekah ialah beliau berguru dengan Tok Kenali di Pondok Kubang Kerian. Beliau tidak sempat berguru dengan ayahnya sendiri kerana ayahnya meninggal dunia. Tidak dapat dipastikan beliau menghafaz al-Quran pada usia berapa tahun. Beliau berangkat ke Mekah pada tahun 1919 Masihi dan menetap dan berguru di sana selama 30 tahun. Beliau belajar dengan beberapa orang guru, termasuk Tok Senggora dan beliau berjaya mendapat ijazah Qiraat Tujuh dan Sepuluh. Selain dari itu beliau juga turut berguru dengan Tok Shafie Kedah di dalam Ilmu Tasawuf. Beliau merupakan tokoh Qurra' dan guru tahfiz di Mekah sekitar tahun 30-an sehingga 40-an. Beliaulah yang menyambung khidmat keguruan Tok Senggora selepas kematian gurunya itu¹⁷. Mulai tahun 1944, beliau telah dilantik menjadi guru tahfiz di Madrasah Dar al-Ulum al-Diniah. Beliau berkhidmat sehingga akhir hayatnya iaitu selama lebih kurang empat tahun. Di antara anak-anak muridnya ialah Dato' Ismail Yusof¹⁸, Haji Ismail Qurra' Kubang Kaki Rantau Panjang, Haji Ismail Qurra' Kampung Dagar Pasir Mas, Haji Ismail Mahmud Hadyai, Pak Su Haji Ismail Kota Bharu, Haji Hasan Hafiz Kuala Sungai Baru¹⁹, Haji Hasan Qurra' Besut, Haji Hasan Pondok Ketereh, Haji Wan Hasan Alor Keladi Besut, Dato' Haji Mohd Nor Ibrahim²⁰ dan lain-lain lagi.

Tokoh ini meninggal dunia di Mekah pada usia 53 Tahun di Kampung Shi'ab Ali pada waktu azan Subuh sedang berkumandang iaitu pada 21 Rejab 1367 Hijrah bersamaan 29 Mei 1948. Beliau meninggalkan lapan orang anak, dua perempuan dan enam lelaki. Tiga orang puteranya Haji Abdullah, Haji Abdul Aziz dan Haji Hashim juga terkenal sebagai hafiz-hafiz yang dihormati²¹.

Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani merupakan tokoh ulama hebat di dalam bidang Ilmu Tajwid dan Qiraat. Selain beliau mengajar di masjid bertalqqi dan bermusyafahah, beliau telah menghasilkan dua buah kitab iaitu sebuah kitab tajwid dan sebuah kitab qiraat yang lengkap. Kitab tajwidnya bertajuk *Tuhfatul al-Sibyan fi Tajwid al-Quran* dan kitab qiraatnya bertajuk *al-Durrah al-Muntakhabah fi Riwayat Syu'bah*.

Kitab ini siap dicetak kali pertama pada tahun 1935 dengan beberapa syarikat penerbitan. Tarikh ini diambil di bahagian hadapan halaman kitab beliau. Pada tangan penulis ada tiga buah kitab beliau yang dicetak oleh percetakan al-Ma'arif Sendirian Berhad, Percetakan Achin Sabtariyyah Pulau Pinang dan Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Huda wa Awladuh. Ketiga-tiga buah kitab mencatatkan tahun 1354 hijrah. Ia membawa maksud kitab ini dicetak

¹⁵ Beliau merupakan guru quran terbalik di Masjid Kayu Kota Bharu (1917-1921) yang kemudiannya dilantik menjadi imam di masjid yang sama. Berkhidmat sehingga meninggal pada 26 April 1943.

¹⁶ Ismail Che Daud (2007), *Tokoh-tokoh Ulam' Melayu Semenanjung II*, Edisi Kedua, hlm 525.

¹⁷ Tok Senggora meninggal pada tahun 1930.

¹⁸ Bekas Mufti Kelantan.

¹⁹ Bekas Mufti Melaka.

²⁰ Bekas Nufti Kelantan.

²¹ Ibid, Ismail Che Daud, hlm 531.

adalah pada tahun 1354 hijrah bersamaan dengan tahun 1935 masihi dan mengandungi 25 muka surat bercetak tidak termasuk halaman hadapan dan belakang.

Selain daripada empat buah kitab-kitab di atas, di sini disenaraikan kitab-kitab Tajwid Lama yang ada di tangan penulis untuk pengetahuan pembaca:

- 1) ‘Abd al-Kadir ‘Abd al-Rahman Al-Fatani (2004), *Al-Mawahib Al-Makiyyah Pada Bicara Tajwid Al-Adaniyyah*, C.1, Kuala Lumpur, Khazanah Al-Fataniyyah.
- 2) Abu Bakr Hj Hasan Muar (2004) *Pertinjauan Pada Menyatakan Tajwid Al-Qur’an*, Kuala Lumpur, Khazanah Al-Fataniyyah.
- 3) Isma’il ‘Abd al- Mutalib Acyi (1311 H dan 1324H), *Tuhfah Al-Ikhwan Fi Tajwid Al-Qur’an*, Mekah, Matba’ah Miriyyah.
- 4) Muhammad Muhammad Saleh Al-Kelantani (2003), *Risalah Mulhah Al-Tajwid Pada Hukum Quran Yang Majid*, Kuala Lumpur, Khazanah Al-Fataniyyah.
- 5) Muhammad Nur Mufti Hj Ibrahim (2004), *Suluhan Darul Naim Bagi Penuntut Bacaan Nafi’ Bin Abi Na’im*, Kuala Lumpur, Khazanah Al-Fataniyyah.
- 6) Tuan Guru Haji Nuh bin Jamaluddin al-Kelantani (1358H), *al-Durrah al-Muntakhabah Fi Riwayat Syu’bah*, Mekah, Ma’ba’ah al-Majidiyyah..
- 7) Muhammad Saleh Zainal ‘Abidin Al-Fatani (1314H), *Tajwid Mafatih Huruf al-Quran*, Mekah, Ma’ba’ah al-Miriyyah al-Khainah..
- 8) Muhammad Saleh Zainal ‘Abidin Al-Fatani (t.t), *Ilmu Tajwid Al-Qur’an*, Mesir, Matba’ah Mustafa Al-Babi Al-Halabi.
- 9) Raja Hj Muhammad Sa’id Raja Hj Muhammad Tahir (2006), *Sya’ir Nazm Tajwid Al-Qur’an*, Kuala Lumpur, Khazanah Al-Fataniyyah.
- 10) Aminuddin bin Nuruddin bin Husein (1869), *Risalah Tajwid*.
- 11) Yusof Ngah Peqara (1382H), *Pelajaran Tajwid 1,2,3*, Thailand, Makatabah Muhammad Al-Nahd.
- 12) Sayyid Ahmad bin Muhammad bin Husin al-‘Aydrus Terengganu (t.t), *Ta’rif al-Khalan Fi Tajwid al-Qur’an*.
- 13) Syeikh Abu Ahmad Syamsuddin ‘Abd al-Mubin Muhammad Tayyib ‘Abd al-Jabbar al-Fatani (1923), *Tabsirah al-Ikhwan Fi Tajwid al-Qur’an*, Matba’ah al-Ahmadiyyah, Singapura.
- 14) Haji Khalil bin Haji Husin Melaka (1929), *Tahsin al-Lisan Fi Tajwid al-Qur’an*.
Kiyai Hj Muhammad Saleh bin Hj ‘Abd al-Rahman Tok Gudang Fatani (1350H), *Sulam al-Tarsyid Fi Ahkam al-Tajwid*, Singapura, Anglo Asiatic.
- 15) Tuan Guru Haji Muhammad Saleh bin Muhammad Yusof Tok Kenali (1361H), *Al-Najm al-Tali’ Fi Qira’ah al-Nafi’*, Kelantan, Matba’ah al-Hikmah.

Kesimpulannya ialah ulama-ulama di dalam bidang Ilmu Tajwid dan Qiraat ini terlalu ramai di Alam Melayu khususnya di Tanah Melayu. Maka, tidak hairanlah sekiranya kira mengkaji terdapat terlalu banyak kitab-kitab Tajwid lama yang masyarakat langsung tidak mengetahuinya. Mudahan dengan sedikit penjelasan ini boleh memberi sedikit pengetahuan bahawa selain daripada kitab-kitab dan ulama-ulama yang hebat mujud di Tanah Melayu di dalam bidang Fekah, Tasawwuf, Aqidah, Falsafah dan lain-lain, ulama-ulama di dalam bidang Ilmu Tajwid dan Qiraat tidak kurang hebatnya.

Rujukan

- ‘Abd Allah Muhammad Qasim Al-Sanquri (2004), *Mawrid Al-Zam’an Fi Ma Yata’allaqu Bi Tajwid Al-Qur’an*, Kuala Lumpur, Khazanah Al-Fataniyyah.
- ‘Abd al-Mu’ti al-Syeikh Muhammad Saleh (1779), *Mir’ah al-Qur’an Fi Tahsil Ma’rifah Ahkam al-Tajwid Li al-Malik al-Wahhab*.
- Ahmad Fathi al-Fatani (2001), *Ulama’ Besar Dari Fatani*, Kuala Lumpur, Penerbit UKM.
- Ahmad Mahmud ‘Abd al-Sami’ al-Hafyan (2001), *Asyhar al-Mustalahat fi Fann al-Ada’ wa ‘Ilm al-Qiraat*, Beirut, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Marhum Hj Wan Saghir Abdullah (2000), *Wawasan Pemikiran Islam Ulama’ Asia Tenggara*, Kuala Lumpur, Khazanah Fathaniyyah.
- Al-Marhum Hj Wan Saghir Abdullah (2001), *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama’ Sejagat Dunia Melayu*, Kuala Lumpur, Khazanah Fathaniyyah.
- Dhahabi, Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthman al- (1981), *Sayr A’lam al-Nubala’*, Beirut, Muassasah al-Risalah.
- Dhahabi, Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthman al- (1997), *Ma’rifah al-Qurra’ al-Kubar*, Beirut, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Haji Nuh bin Jamaluddin al-Kelantani (1358H), *al-Durrah al-Muntakhabah Fi Riwayat Syu’bah*, Mekah, Ma’ba’ah al-Majidiyyah..
- Ismail Che Daud (1996 dan 2001), *Tokoh-tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu 1*, Kota Bharu, Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Ismail Che Daud (2007), *Tokoh-tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu 2*, Kota Bharu, Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Muhammad Muhammad Saleh Al-Kelantani (2003), *Risalah Mulhah Al-Tajwid Pada Hukum Quran Yang Majid*, Kuala Lumpur, Khazanah Al-Fataniyyah.
- Muhammad Nur Mufti Hj Ibrahim (2004), *Suluhan Darul Naim Bagi Penuntut Bacaan Nafi’ Bin Abi Na’im*, Kuala Lumpur, Khazanah Al-Fataniyyah.
- Nuh Jamaluddin Al-Kelantani (1354H), *Tuhfah Al-Sibyan Fi Tajwid Al-Qur’an*, Percetakan Al-Ma’arif Sendirian Berhad.